A

Lee Heng Yau (penjaga ad-litem untuk Tan Ping Quan dan Tan Ping Ren, dua orang kanak-kanak) lwn Lembaga Tatatertib Peguam Bela & Peguam Cara, Datuk Dr Abdul Raman bin Jahi Saad (Chairman Advocates & Solicitors Disciplinary Board) dan lain-lain dan satu lagi rayuan

B

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO 02(f)-10–02 TAHUN 2022(B) DAN 02(i)-11–02 TAHUN 2022(B) TENGKU MAIMUN KETUA HAKIM NEGARA, NALLINI PATHMANATHAN DAN ZABARIAH YUSOF HHMP
16 MEI 2023

C

D

Prosedur Sivil — Locus standi — Rayuan — Perayu yang muflis telah membawa rayuan dalam kapasitinya sebagai penjaga ad litem bagi dua orang benefisiari estet si mati — Mahkamah telah melantik perayu dalam kapasiti tersebut semasa benefisiari-benefisiari tersebut dibawah umur dewasa — Sama ada perayu mempunyai locus standi untuk membawa rayuan kerana selain daripada status kebankrapannya, perlantikan perayu sebagai penjaga ad litem tidak boleh dipakai lagi sebab benefisiari-benefisiari tersebut telah pun mencapai umur dewasa — Sama ada perayu yang mewakili dirinya sendiri gagal memastikan bahawa semua kausa kertas rayuan serta rekod rayuannya adalah sempurna dan teratur — Sama ada perayu telah melanggar beberapa peruntukkan mandatori dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah berkenaan prosedur pemfailan rayuan — Sama ada rayuan perayu adalah tidak kompeten dan harus dibatalkan

E

F

G

Pada 2 Januari 2003, Tan Hock Low ('si mati') telah meninggal dunia tanpa wasiat dan meninggalkan, antara lain, dua orang anak, TPQ dan TPR, yang pada masa itu berumur empat tahun dan tiga tahun, masing-masing. Pada 25 November 2011, semasa TPQ dan TPR berumur 12 tahun dan 11 tahun masing-masing, perayu, yang merupakan bapa saudara mereka, telah mendapat perintah mahkamah melantik dirinya sebagai penjaga *ad litem* kanak-kanak tersebut. Pentadbir harta pusaka si mati adalah Pacific Will Plan & Trust Plan ('Pacific Will'). Dalam kapasitinya sebagai penjaga *ad litem*, perayu telah mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak-pihak tertentu, termasuk Pacific Will, berkenaan harta pusaka si mati di mana tindakan-tindakan tersebut telah pun diputuskan oleh mahkamah. Responden kedua, ketiga, keempat dan kelima dalam Rayuan No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) disini merupakan peguam-peguam yang telah mewakili pihak-pihak tertentu yang menentang perayu dalam tindakan-tindakan lampau melibatkan harta pusaka si mati. Manakala responden kedua dalam Rayuan No

H

I

A 02(i)-11–02 Tahun 2022(B) merupakan peguam yang telah mewakili perayu dalam pertikaiannya dengan Pacific Will. Terhadap kesemua peguam-peguam tersebut, perayu telah membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara dengan mendakwa, antara lain, bahawa mereka telah melanggar kk 17, 18, 26 dan 36 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang B (Amalan dan Kesopanan) 1978 dan telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti menipu, mencuri dan pecah amanah terhadap harta pusaka si mati. Lembaga Tatatertib telah menolak segala aduan yang dibuat oleh perayu terhadap peguam-peguam tersebut. Tidak puas hati dengan keputusan itu, perayu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi ('MT') tetapi rayuannya C ditolak. Tidak berputus asa, perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan MT tetapi rayuan itu juga telah ditolak. Kedua-dua rayuan disini adalah terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Pada segala sesi pengurusan kes untuk rayuan-rayuannya disini, perayu, yang telah mewakili dirinya sendiri, telah diingatkan dan diarahkan oleh mahkamah untuk D memastikan bahawa segala kertas kausa dan rekod rayuan beliau adalah teratur. Namun demikian, perayu telah gagal mengikuti nasihat dan arahan mahkamah. Akibatnya, pada pendengaran rayuan-rayuan disini, responden-responden telah membangkitkan beberapa bantahan supaya rayuan-rayuan tersebut dibatalkan seterusnya. Bantahan itu bukan sahaja E meliputi ketidakpatuhan perayu terhadap beberapa kaedah mandatori dalam penfailan rayuan — seperti kegagalan perayu menfailkan memorandum rayuan dan salinan bermeterai keputusan yang dirayukan dan memasukkan dokumen-dokumen tersebut dalam rekod rayuan — tetapi juga mencabar kapasiti atau locus standi perayu oleh kerana: (a) beliau adalah seorang bankrap F sejak 7 December 2006 dan tidak dilepaskan daripada status tersebut; dan (b) perintah yang melantik perayu sebagai penjaga *ad litem* sudah tidak boleh dipakai lagi kerana TPQ dan TPR telah pun mencapai umur dewasa/majoriti dan berhak bertindak untuk diri mereka sendiri atau dengan melantik peguam.

G **Diputuskan**, dengan sebulat suara membatalkan kedua-dua rayuan:

(1) Sejak memulakan tindakan di Mahkamah Tinggi sehingga membawa kepada rayuan-rayuan ini, perayu telah bertindak sebagai penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR. Perlantikannya dalam kapasiti tersebut pada H 15 November 2011 adalah atas dasar bahawa pada masa itu TPQ dan TPR masih lagi bawah umur, iaitu mereka masing-masing berumur 12 dan 11 tahun (lihat perangan 28–29).

(2) Semasa perayu menfailkan tindakan berkaitan diMahkamah Tinggi dan rayuan di Mahkamah Rayuan dan juga rayuan-rayuan disini, TPQ dan I TPR telah pun mencapai umur dewasa atau umur majoriti menurut takrifan s 2 Akta Umur Dewasa 1971. Oleh itu, penjaga *ad litem* tidak lagi diperlukan kerana mereka boleh membawa tindakan mahkamah atas nama mereka sendiri. Sekiranya pun ketidakupayaan TPQ dan TPR tersebut sebagai seorang kanak-kanak itu masih wujud, perayu tidak

kompeten untuk membawa apa-apa tindakan atau rayuan secara kediri atas kapasiti tersebut tanpa diwakili oleh peguambela/peguamcara. Tindakan perayu untuk meneruskan tindakan ini tanpa diwakili oleh seorang peguam bercanggah dan menyalahi undang-undang sepertimana yang diperuntukkan dibawah A 76 k 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (lihat peranggan 30–31).

(3) Suatu fakta yang tidak dipertikaikan adalah bahawa perayu melalui perintah Mahkamah bertarikh 7 Disember 2006 adalah seorang bankrap. Sehingga kini, perayu masih belum dilepaskan daripada status tersebut. Ini membawa maksud bahawa perayu tidak mempunyai locus standi untuk membawa rayuan-rayuan ini (lihat perenggan 34–35).

(4) Perayu telah gagal mematuhi A 57(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 dengan tidak menfailkan memorandum rayuan yang menunjukkan alasan-alasan untuk rayuan-rayuan dan juga A 57(4) dengan tidak melampirkan sesalinan memorandum tersebut di rekod rayuan bersama dengan notis rayuan dan perintah Mahkamah Rayuan yang dirayukan. Pematuhan kepada A 57(1) dand 57(4) adalah mandatori. Rekod rayuan yang tidak mengandungi memorandum rayuan adalah tidak sempurna dan akan menjadikan rayuan defektik dan tidak kompeten dan boleh menyebabkan rayuan dibatalkan. Kegagalan perayu untuk memasukkan perintah bermeterai Mahkamah Rayuan di dalam rekod rayuan juga boleh menyebabkan rayuan dibatalkan (lihat perenggan 36–39).

(5) Dalam rayuan-rayuan ini, adalah jelas bahawa perayu telah sedia maklum berhubung dengan isu rekod rayuannya yang tidak lengkap dan teratur kerana perkara itu telah beberapa kali dibangkitkan oleh pihak responden-responden dan peringatan serta arahan untuk perayu menfailkan rekod rayuan yang sempurna juga telah diberikan oleh Mahkamah setiap kali pengurusan kes berlangsung. Walaupun perayu sedia maklum akan kecacatan pada rayuan-rayuannya, ternyata perayu tidak mempedulikan atau mengendahkan peringatan dan arahan Mahkamah kerana senhinggalah rayuan ini dipanggil untuk sebutan pada 14 Disember 2022, perayu masih gagal untuk mengambil tindakan bagi memastikan rekod rayuannya lengkap dan teratur. Kegagalan perayu mengambil peluang yang telah diberikan oleh Mahkamah untuk melengkapkan rekod rayuan menunjukkan bahawa perayu tidak berminat untuk meneruskan dengan rayuan-rayuannya (lihat peranggan 46–47).

(6) Bantahan-bantahan yang telah dibangkitkan oleh responden-responden adalah bermerit. Rayuan-rayuan perayu ini adalah tidak kompeten dan harus dibatalkan (lihat peranggan 27 & 49).

[English summary

On 2 January 2003, Tan Hock Low ('the deceased') died intestate leaving, among others, two under-aged children, TPQ and TPR On 25 November 2011, when TPQ was aged 12 years and TPR, 11 years, the appellant, who was their uncle, obtained a High Court order appointing him as their guardian ad litem. The administrator of the deceased's estate was Pacific Will Plan & Trust Plan ('Pacific Will'). In his capacity as the guardian ad litem, the appellant brought various Court actions against several parties, including Pacific Will, in connection with the deceased's estate. Those parties were represented by the second, third, fourth and fifth respondents (who were all advocates and solicitors) in Appeal No 02(f)-10–02 of 2022(B) herein whilst the second respondent in Appeal No 02(i)-11–02 of 2022(B) herein was the appellant's lawyer in the appellant's dispute with Pacific Will. The appellant filed complaints against all the six lawyers aforesaid with the Advocates and Solicitors Disciplinary Board ('DB') alleging that they had breached various provisions of the Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978 and had also committed the offences of cheating, theft and breach of trust against the deceased's estate. The DB dismissed all the complaints. Dissatisfied, the appellant appealed to the High Court against the DB's decision. When the High Court dismissed his appeal, the appellant appealed to the Court of Appeal ('COA'). The instant appeals were against the COA's dismissal of his appeals. During the case management sessions for the hearing of his instant appeals, the appellant was reminded repeatedly to ensure that his cause papers and appeal record were in order. The appellant failed to heed the directions of the court. As a result, the respondents applied for the appeals to be struck out, not only because of breaches of mandatory requirements for the filing of the appeals — the appellant failed to file a memorandum of appeal, his appeal record failed to contain a copy of the memorandum and the sealed copy of the order appealed from — but also on the ground that he lacked locus standi to prosecute the appeals as: (a) he was an undischarged bankrupt and had been so since 7 December 2006; and (b) the order appointing him as guardian ad litem was no longer effective as TPQ and TPR were of majority age and were competent to act in their own right or to engage counsel.

Held, unanimously striking out the appeals:

(1) Since commencing the action in the High Court and right through until the present appeals, the appellant had been acting as guardian ad litem for TPQ and TPR. His appointment in that capacity on 25 November 2011 was on the basis that TPQ and TPR were minors at that time, aged 12 years and 11 years, respectively (see paras 28–29).

(2) When the appellant commenced his action in the High Court and his appeals in the Court of Appeal and before this Court, TPQ and TPR had already attained the age of majority under s 2 of the Age of Majority Act

1971. As such, a guardian ad litem for them was no longer necessary as they could act in their own right. In any event, O 76 r 2(3) of the Rules of Court 2012 provided that a litigation representative of a person under disability shall act by a solicitor. The appellant was not competent to have acted on his own either in filing the action or the appeals without being represented by a lawyer. By acting on his own, he had clearly breached O 76 r 2(3) (see paras 30–31).

(3) The appellant was adjudged a bankrupt by the High Court on 7 December 2006 and had not been discharged from that status. This meant he had no locus standi to file or maintain the instant appeals (see paras 34–35).

(4) The appellant failed to comply with r 57(1) of the Rules of the Federal Court 1995 in failing to file the memorandum of appeal showing the grounds for his appeals. He also breached r 57(4) in not including a memorandum of appeal in his appeal record together with the notice of appeal and the order of the Court of Appeal that was being appealed against. Compliance with the aforesaid rules of the court was mandatory. An appeal record not containing the memorandum of appeal was not in order and would render the appeal incompetent and defective and liable to be struck off. So also would be the result if the sealed copy of the order that was being appealed against was not included in the appeal record (see paras 36–39).

(5) At all material times, the appellant was aware that his appeal record was not in order as the matter had been raised several times by the respondents and the court had also directed the appellant during the case management sessions to ensure that his appeal record was in order before the hearing of the appeals. The appellant failed to heed the directions of the court to get his appeal record in order even when the matter was called up for mention on 14 December 2022. His failure in this respect showed that he was not interested in pursuing with his appeals (see paras 46–47).

(6) The objections raised by the respondents had merit. The appeals herein were not competent and had to be struck out (see paras 27 & 49).]

Kes-kes yang dirujuk

Chuah Tim Lan v RHB Bank Bhd & Anor [2008] 6 MLJ 793; [2008] 6 CLJ 500, MR (dirujuk)

Extra Excel (M) Sdn Bhd v Chu Nyuk Tai [2015] 1 MLJ 473; [2014] 9 CLJ 599, MR (dirujuk)

Lee Heng Yau lwn Pacific Trustees Berhad dan lain-lain [2017] MLJU 778, MR (dirujuk)

Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd [2002] 1 MLJ 385; [2001] 1 CLJ 645, MP (dirujuk)

Owners of the Ship or Vessel Sasacom I v Bank Pembangunan Malaysia

A *Bhd* [2015] 4 MLJ 841, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Umur Dewasa 1971 s 2
Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 k 57, 57(1), (4)
B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 76 k 2(3)
Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 kk 17, 18, 26, 36

Perayu mewakili diri sendiri dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun
C *2022(B) dan 02(i)-11–02 Tahun 2022(B).*
Hoi Jack S'ng (Tiffany Low Jia Qi bersamanya) (Lee Hishammuddin Allen & Gledhill) dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) dan 02(i)-11–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden pertama.
Sumathi a/p N Govindasamy (Sumathi & Assoc) dalam Rayuan Sivil
D *No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden kedua.*
Sim Shyr Jinn (Ailialef Hamima bt Aznan bersamanya) (Soo Thien Ming & Nashrah) dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden ketiga.
Ng Zhi Ying dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) bagi pihak
E *responden keempat.*
Ng Cheng Keat dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden kelima.
Esther Hor Su Ying (Gan Jer Nynn bersamanya) (Esther Hor, Mohanthas, Scully)
F *dalam Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden keenam.*
Zulkepli bin Omar (Lainah, Yaccob & Zulkepli) dalam Rayuan Sivil No 002(i)-11–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden kedua.
Esther Hor Su Ying (Gan Jer Nynn bersamanya) (Esther Hor, Mohanthas, Scully)
G *dalam Rayuan Sivil No 02(i)-11–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden keempat.*
Kan Hui Ling (Rahmat Lim & Partners) dalam Rayuan Sivil No 02(i)-11–02 Tahun 2022(B) bagi pihak responden ketiga.

H **Tengku Maimun Ketua Hakim Negara (menyampaikan penghakiman mahkamah):**

PENGENALAN

I **[1]** Terdapat dua rayuan di hadapan kami iaitu Rayuan Sivil No 02(f)-10–02 Tahun 2022 (B) ('Rayuan No 10') dan Rayuan Sivil No 02(f)-11–2 Tahun 2022(B) ('Rayuan No 11') yang telah kami batalkan pada 14 Disember 2022. Berikut adalah alasan bagi keputusan kami.

LATAR BELAKANG KES

[2] Pada 2 Januari 2003, Tan Hock Low ('THL') telah meninggal dunia tanpa wasiat. THL meninggalkan, antara lain, dua orang anak lelaki iaitu Tan Ping Qin ('TPQ') dan Tan Ping Ren ('TPR') yang ketika itu masih lagi kanak-kanak/bawah umur.

[3] Pada 25 November 2011, perayu, bapa saudara kepada TPQ dan TPR telah dilantik oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam sebagai penjaga *ad litem* kepada kanak-kanak tersebut. TPQ dan TPR ketika itu masing-masing berumur 12 dan 11 tahun.

[4] Berdasarkan Geran Surat Kuasa Mentadbir bertarikh 28 Ogos 2013 dan Geran Surat Kuasa Mentadbir Terpinda bertarikh 12 Februari 2014, Pacific Will Plan & Trust Plan ('Pacific Will') adalah pentadbir harta pusaka THL.

[5] Sebagai penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR, perayu telah membawa pelbagai tindakan mahkamah terhadap pihak-pihak tertentu berkenaan dengan harta pusaka THL di mana tindakan-tindakan tersebut telah diputuskan oleh mahkamah. Sumathi a/p Govindasamy ('Sumathi'), Lua Ai Siew ('AS Lua'), Ng Zhi Ying ('ZY Ng') dan Ng Cheng Keat ('CK Ng') adalah merupakan peguambela dan peguamcara yang mewakili pihak-pihak tertentu yang menentang perayu dalam tindakan-tindakan lampau melibatkan harta pusaka THL.

[6] Melalui surat bertarikh 31 Oktober 2018, perayu membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguam Bela dan Peguam Cara (Lembaga Tatatertib) terhadap Sumathi, AS Lua, ZY Ng dan CK Ng (secara kolektif 'peguam-peguam tersebut').

[7] Perayu mendakwa, antara lain bahawa peguam-peguam tersebut telah melanggar kk 17, 18, 26 dan 36 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 ('KPU') dan melakukan kesalahan-kesalahan seperti menipu, mencuri dan pecah amanah terhadap harta pusaka THL.

[8] Aduan perayu telah ditolak oleh Lembaga Tatatertib.

[9] Tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib, perayu mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui Saman Pemula No BA-17D-3–05 Tahun 2019 ('saman pemula'). Lembaga Tatatertib dan peguam-peguam tersebut dinamakan sebagai responden-responden.

[10] Lembaga Tatatertib kemudiannya memfailkan permohonan untuk

membatalkan saman pemula perayu, atas alasan, antara lain, ia tidak sepatutnya dijadikan pihak dalam saman pemula tersebut. Permohonan Lembaga Tatatertib turut disokong oleh peguam-peguam tersebut.

[11] Permohonan Lembaga Tatatertib telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi. Saman pemula terhadap Lembaga Tatatertib dan terhadap peguam-peguam tersebut ditolak tanpa perintah terhadap kos.

[12] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, perayu memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No B-02(A)-223–02 Tahun 2020 ('Rayuan 223').

[13] Perayu juga terlibat dengan satu pertikaian dengan Pacific Will. Peguam yang bertindak bagi pihak perayu berhubung pertikaian ini adalah Zulkepli bin Omar (peguam Zulkepli). Perayu yang tidak berpuas hati dengan peguam Zulkepli telah mengemukakan aduan kepada Lembaga Tatatertib.

[14] Pada 14 Februari 2020, Lembaga Tatatertib telah menolak aduan perayu terhadap peguam Zulkepli.

[15] Pada 8 Mei 2020, perayu memfailkan rayuan, melalui notis permohonan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Lembaga Tatetertib berhubung aduan terhadap peguam Zulkepli. Perayu menamakan Lembaga Tatatertib, firma Tetuan Lainah Yaacob & Zulkepli (firma LYZ), Presiden Majlis Peguam Malaysia dan Pacific Will, masing-masing sebagai responden pertama, kedua, ketiga dan keempat.

[16] Pada 30 Jun 2020, semasa pengurusan kes di hadapan hakim Mahkamah Tinggi, Lembaga Tatatertib dan Presiden Majlis Peguam membuat permohonan secara lisan supaya mereka dihentikan menjadi pihak-pihak. Permohonan Lembaga Tatatertib dan Presiden Majlis Peguam Malaysia dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi.

[17] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, perayu memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No B-02(IM)-952–08 Tahun 2020 ('Rayuan 952').

[18] Mahkamah Tinggi juga telah menolak rayuan perayu terhadap firma LYZ dan Pacific Will. Terkilan dengan keputusan ini, perayu juga memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No B-02(A)1331–09 Tahun 2020 ('Rayuan 1331').

[19] Ketiga-tiga rayuan oleh perayu iaitu Rayuan No 223, 952 dan 1331

telah dibicarakan bersama di mana Mahkamah Rayuan telah menolak ketiga-ketiga rayuan perayu dengan kos.

PROSIDING DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN

[20] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan, perayu telah memfailkan kedua-dua rayuan yang dirujuk di perenggan [1]. Lembaga Tatatertib, Sumathi, AS Lua, ZY Ng, CK Ng dan Pacific Will adalah responden-responden dalam Rayuan No 10, manakala responden-responden dalam Rayuan No 11 adalah Lembaga Tatatertib, firma LYZ, Presiden Majlis Peguam Malaysia dan Pacific Will.

[21] Bagi kedua-dua rayuan ini, empat sesi pengurusan kes telah dijalankan bagi memastikan semua kertas kausa yang relevan adalah teratur dan pihak-pihak bagi kedua-dua rayuan bersedia untuk tujuan perbicaraan. Tarikh-tarikh tersebut adalah pada 24 Mac 2022, 20 Mei 2022, 27 Julai 2022 dan 30 September 2022. Ringkasan minit prosiding yang relevan pada tarikh-tarikh tersebut adalah seperti berikut:

24 Mac 2022	(a) peguamcara AS Lua dan peguamcara firma LYZ memaklumkan bahawa rekod rayuan perayu tidak lengkap. Tiada draf perintah Mahkamah Rayuan diserahkan untuk kelulusan; (b) perayu menyatakan Pacific Will yang perlu menyediakan draf perintah Mahkamah Rayuan; dan (c) mahkamah mengarahkan perayu untuk memfailkan draf perintah Mahkamah Rayuan.
20 Mei 2022	(a) peguamcara AS Lua meminta perayu untuk menyerahkan rekod rayuan tambahan yang mengandungi ekshibit-ekshibit dalam afidavit balasan responden ketiga bertarikh 12 Jun 2019; dan (b) mahkamah mengarahkan perayu untuk memfailkan rekod rayuan yang lengkap dan menghubungi peguamcara AS Lua jika tidak dapat mengenal pasti dokumen yang berkaitan. Mahkamah juga mengarahkan perayu untuk memfailkan perintah Mahkamah Rayuan kerana perayu yang telah memfailkan rayuan-rayuan ini.
27 Julai 2022	(a) perayu memaklumkan alasan penghakiman Mahkamah Rayuan belum diterima; dan

	(b) mahkamah mengarahkan perayu untuk 'follow-up' perkara ini dengan Mahkamah Rayuan dan perayu diingatkan untuk memfailkan rekod rayuan yang lengkap.
30 September 2022	(a) peguamcara firma LYZ membangkitkan bantahan bahawa rekod rayuan perayu tidak teratur kerana tiada perintah Mahkamah Rayuan dan draf indeks rekod rayuan tidak pernah diserahkan kepada responden-responden untuk kelulusan; (b) mahkamah mendapati rekod rayuan perayu tidak mengandungi perintah Mahkamah Rayuan. Mahkamah mengarahkan perayu untuk memfailkan rekod rayuan yang lengkap dan teratur; dan (c) mahkamah menetapkan rayuan-rayuan perayu untuk sebutan di hadapan panel hakim Mahkamah Persekutuan pada 14 Disember 2022 dan mengarahkan pihak-pihak untuk menulis kepada mahkamah sekiranya terdapat sebarang bantahan yang ingin dibangkitkan berhubung dengan rayuan perayu.

[22] Pada setiap sesi pengurusan kes tersebut, perayu hadir sendiri dan mengambil maklum semua isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam-peguam yang mewakili responden-responden.

[23] Melalui surat bertarikh 17 November 2022 (kandungan 25), firma LYZ telah membangkitkan beberapa bantahan terhadap Rayuan No 11 seperti berikut:

(a) tiada perintah bersih. Perayu gagal untuk memfailkan perintah bersih Mahkamah Rayuan yang telah menolak rayuan perayu pada 5 Januari 2022 di dalam rekod rayuan atau pun rekod rayuan tambahan;

(b) tiada memorandum rayuan. Melalui surat bertarikh 29 September 2022, perayu telah menyerahkan rekod rayuan tambahan yang mengandungi alasan penghakiman Mahkamah Rayuan kepada firma LYZ. Namun begitu, sehingga tarikh kandungan 25 disediakan, perayu masih gagal untuk mematuhi k 57 Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 ('Kaedah 1995') kerana tidak memfailkan dan menyerahkan sesalinan memorandum rayuan kepada firma LYZ;

(c) perayu tidak lagi mempunyai locus standi untuk membawa rayuan ini sebagai penjaga ad litem kepada TPQ dan TPR kerana kedua-duanya telah pun mencapai umur dewasa iaitu masing-masing 23 dan 24 tahun

dan mereka boleh mewakili diri sendiri atau melantik peguam bagi mewakili diri mereka. Sesalinan perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 25 November 2011 dan Sijil Kelahiran TPQ dan TPR dikemukakan masing-masing sebagai Lampiran A dan Lampiran B; dan

(d) perayu seorang bankrap. Berdasarkan carian di Jabatan Insolvensi Malaysia bertarikh 2 April 2019, perayu adalah seorang bankrap semenjak 7 Disember 2006 dan masih belum dilepaskan semasa rayuan ini difailkan. Sesalinan Carian Kebankrapan tersebut dikemukakan sebagai Lampiran C.

[24] Bagi Rayuan No 10, responden Sumathi juga telah mengemukakan bantahan-bantahan yang sama melalui surat bertarikh 28 November 2022 (Kandungan 23).

[25] Semasa rayuan-rayuan ini dipanggil untuk sebutan pada 14 Disember 2022, peguamcara Sumathi dan peguamcara firma LYZ telah membangkitkan bantahan-bantahan sepertimana yang telah dinyatakan masing-masing di dalam Kandungan 25 dan 23 tersebut. Bantahan-bantahan ini juga turut disokong oleh semua peguam-peguam yang mewakili responden-responden lain dalam Rayuan No 10 dan Rayuan No 11.

[26] Mahkamah telah memberikan kesempatan dan peluang kepada perayu untuk menjawab bantahan-bantahan yang telah dikemukakan. Selain mengakui bahawa memorandum rayuan tidak difailkan, perayu menyatakan bahawa dia telah memfailkan kertas kausa yang lengkap sebagaimana yang pernah difailkan di Mahkamah Rayuan sebelum ini dan perintah bersih Mahkamah Rayuan sepatutnya difailkan oleh firma LYZ. Menurut perayu juga, tiada peguam yang ingin mewakilinya. Seterusnya, Jabatan Insolvensi tiada halangan untuk perayu menjadi penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR sepertimana yang dinyatakan di dalam surat Jabatan Insolvensi bertarikh 9 April 2010.

KEPUTUSAN

[27] Setelah mendengar hujahan peguamcara responden-responden bagi kedua-dua rayuan ini dan penjelasan perayu, kami mendapati bahawa bantahan-bantahan yang dibangkitkan oleh peguamcara responden-responden adalah bermerit. Isu utama dalam kes ini adalah ketiadaan locus standi perayu untuk meneruskan rayuan-rayuan ini setelah TPQ dan TPR mencapai umur dewasa dan berkemampuan untuk membawa rayuan-rayuan ini atas nama mereka sendiri. Selain itu, ternyata perayu tidak berminat untuk meneruskan dengan rayuan-rayuan ini kerana gagal mematuhi kehendak undang-undang berkenaan rayuan-rayuan yang telah difailkan walaupun telah diberi notis menyempurnakan rekod rayuan.

A *Locus standi*

[28] Tindakan-tindakan yang berkaitan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan sehingga membawa kepada rayuan ini, difailkan oleh perayu dalam kapasitinya sebagai penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR.

B

[29] Pelantikan perayu sebagai penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR melalui perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 25 November 2011 adalah atas dasar pada masa yang material, TPQ dan TPR masih lagi kanak-kanak bawah umur iaitu, masing-masing berumur 12 dan 11 tahun.

C

[30] Semasa perayu memfailkan tindakan berkaitan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dan juga rayuan-rayuan ini, TPQ dan TPR telah pun mencapai umur dewasa atau umur majoriti menurut takrifan s 2 Akta Umur

D Dewasa 1971 yang berbunyi: 'Tertakluk kepada seksyen 4, umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia'. Apabila TPQ dan TPR mencapai umur dewasa Penjaga *ad litem* tidak lagi diperlukan kerana mereka boleh membawa tindakan

E mahkamah di atas nama mereka sendiri.

[31] Sekiranya pun ketidakupayaan TPQ dan TPR tersebut sebagai seorang kanak-kanak itu masih wujud, perayu tidak kompeten untuk membawa apa-apa tindakan atau rayuan secara kediri atas kapasiti tersebut tanpa diwakili

F oleh seorang peguambela/peguamcara. Tindakan perayu untuk meneruskan tindakan ini tanpa diwakili oleh seorang peguambela/peguamcara adalah bercanggah dan menyalahi undang-undang sepertimana yang diperuntukkan di bawah A 76 k 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang menetapkan

G seperti berikut:

> 2(3) Wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan hendaklah bertindak melalui peguam.

H **[32]** Isu yang sama telah dibangkitkan dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam satu rayuan lain yang juga melibatkan perayu sebagai salah satu pihak iaitu kes *Lee Heng Yau lwn Pacific Trustees Berhad dan lain-lain* [2017] MLJU 778 ('kes LHY'). Mahkamah Rayuan di dalam kes tersebut memutuskan bahawa peruntukan A 76 k 2(3) Kaedah-Kaedah

I Mahkamah 2012 adalah terang dan jelas bahawa perayu sebagai wakil litigasi (*guardian ad litem*) hendaklah bertindak melalui seorang peguam. Diputuskan juga oleh Mahkamah Rayuan bahawa peruntukan tersebut adalah mandatori, dan apa-apa hujahan yang dikemukakan oleh perayu secara kediri adalah tidak berkompeten dan tidak wajar diberikan sebarang perhatian dan pertimbangan.

[33] Perayu ini adalah perayu yang sama bagi kes *LHY* tersebut. Justeru, perayu sedar dan tahu akan kehendak undang-undang yang perlu dipenuhi olehnya sebagai penjaga *ad litem* kepada TPQ dan TPR. Namun demikian, perayu dengan sengaja memilih untuk tidak mematuhi keperluan undang-undang tersebut.

[34] Selanjutnya, adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan oleh perayu bahawa melalui perintah mahkamah bertarikh 7 Disember 2006, perayu adalah seorang bankrap. Sehingga kini, perayu masih belum dilepaskan daripada status tersebut.

[35] Menurut perayu, melalui surat bertarikh 9 April 2010 Jabatan Insolvensi telah menyatakan bahawa ia tiada halangan terhadap permohonan perayu sebagai penjaga *ad litem* kepada anak saudaranya yang belum cukup umur. Kami mendapati bahawa Jabatan Insolvensi memberi kebenaran kepada perayu atas dasar anak-anak saudaranya pada masa tersebut masih lagi kanak-kanak. Memandangkan anak-anak saudaranya kini telah mencapai umur dewasa, kebenaran tersebut tidak lagi terpakai. Sekaligus, membawa maksud perayu tidak mempunyai *locus standi* untuk membawa rayuan-rayuan ini. Isu ketiadaan *locus standi* adalah merupakan alasan utama untuk keputusan kami. Namun, selain itu kami juga mempertimbangkan isu teknikal yang dibangkitkan oleh peguam-peguam reponden-responden.

Kegagalan mematuhi kehendak undang-undang.

[36] Perayu gagal mematuhi k 57(1) dan 57(4) yang menghendaki perayu menyediakan memorandum rayuan yang menyatakan secara ringkas alasan bantahan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dan menyatakan perkara undang-undang atau fakta yang didakwa telah diputuskan secara salah oleh Mahkamah Rayuan (Rujuk k 57(1) Kaedah 1995). Penyediaan memorandum rayuan adalah penting untuk responden-responden menyediakan dan menjawab alasan-alasan rayuan yang dinyatakan di dalam memorandum rayuan.

[37] Selanjutnya, perayu adalah dikehendaki untuk melampirkan sesalinan memorandum rayuan tersebut bersama-sama dengan beberapa dokumen lain termasuklah notis rayuan dan perintah Mahkamah Rayuan yang ingin dirayu di dalam rekod rayuan (Rujuk k 57(4) Kaedah 1995).

[38] Pematuhan kepada k 57(1) dan 57(4) Kaedah 1995 berkenaan penyediaan dan pemfailan memorandum rayuan adalah mandatori. Rekod rayuan yang difailkan tanpa memorandum rayuan adalah tidak sempurna dan menjadikan rayuan perayu tidak kompeten dan defektif serta boleh mengakibatkan rayuan perayu dibatalkan (rujuk *Owners of the Ship or Vessel*

Sasacom I v Bank Pembangunan Malaysia Bhd [2015] 4 MLJ 841) ('kes *Sasacom 1*').

[39] Begitu juga dengan keperluan untuk menyediakan dan memasukkan perintah termeterai Mahkamah Rayuan di dalam rekod rayuan kerana perintah tersebut merupakan fokus kepada rayuan dan supaya tidak wujud ketidakpastian atau keraguan berkenaan perintah yang dirayu. Kegagalan perayu untuk mematuhi kehendak ini juga boleh mengakibatkan rayuan perayu dibatalkan (rujuk *Extra Excel (M) Sdn Bhd v Chu Nyuk Tai* [2015] 1 MLJ 473; [2014] 9 CLJ 599 dan *Chuah Tim Lan v RHB Bank Bhd & Anor* [2008] 6 MLJ 793; [2008] 6 CLJ 500).

[40] Adalah diperhatikan bahawa keputusan dalam kes-kes *Extra Excel* dan *Chuah Tim Lan* adalah bercanggah dengan kes *Sasacom 1* berkenaan isu perintah termeterai. Dalam kes *Sasakom 1*, Abdul Wahab Patail, Hakim Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa kegagalan memasukkan perintah termeterai dalam rekod rayuan adalah tidak *fatal* kerana menurut Arahan Amalan Mahkamah Rayuan No 1 Tahun 1995, perintah tersebut boleh dikemukakan pada hari perbicaraan rayuan di dalam Mahkamah Terbuka. Oleh itu Mahkamah Rayuan telah menolak bantahan berkenaan kegagalan memasukkan penghakiman dalam rekod rayuan dan hanya menerima bantahan yang dibangkitkan oleh responden berkenaan kegagalan meletakkan tarikh pada memorandum rayuan dan membatalkan memorandum rayuan tersebut, yang mengakibatkan rekod rayuan menjadi tidak teratur, maka rayuan ditolak (bukan dibatalkan).

[41] Mahkamah Rayuan dalam kes *Sasacom 1* telah merujuk kepada nas undang-undang *Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd* [2002] 1 MLJ 385; [2001] 1 CLJ 645 (FC) yang merujuk kepada Arahan Amalan Mahkamah Agung Bil 1 Tahun 1992 yang bertajuk 'Arahan Amalan Mengenai Perintah Termeterai'. Antara kandungan Arahan Amalan tersebut ialah:

> Untuk menyegerakan prosiding rayuan di Mahkamah Agung, sebaik sahaja perayu menerima perintah termeterai dari Mahkamah Tinggi, perintah tersebut bolehlah difailkan sebagai rekod rayuan tambahan tanpa sebarang permohonan.
>
> Sebagai alternatif, perayu dibenar menyerahkan salinan penghakiman, dekri atau perintah yang dirayu pada hari perbicaraan rayuan di dalam Mahkamah Terbuka. Pihak Penentang sewajarnya diberitahu di atas penyerahan ini.

[42] Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil 1 Tahun 1995 yang dirujuk dalam kes *Sasacom 1* telah meminda Arahan Amalan Mahkamah Agung Bil 1 tahun 1992 dengan menggantikan perkataan 'Kaedah 62(4)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1980' dengan Kaedah 18(4)(d)

Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994' dan menggantikan perkataan 'Mahkamah Agung' dengan 'Mahkamah Rayuan'. A

[43] Kami juga memerhatikan bahawa Arahan Amalan Bil 1 Tahun 1992 telah dibatalkan oleh Arahan Amalan Mahkamah Persekutuan Bil 1 Tahun 2018 yang menyatakan: B

> 9.2 Sekiranya perintah termeterai Mahkamah Rayuan dan/atau perintah termeterai untuk Kebenaran Merayu belum diperoleh semasa Rekod Rayuan difailkan, perintah termeterai tersebut boleh difailkan sebagai Rekod Rayuan Tambahan tanpa apa-apa permohonan sebaik sahaja ia diterima. C

[44] Walaupun dalam Arahan Amalan yang kini berkuatkuasa tidak mengekalkan perenggan yang membenarkan perayu mengemukakan perintah termeterai pada hari pendengaran rayuan, Arahan Amalan tersebut mengekalkan perenggan yang membenarkan perayu memfailkan rekod rayuan tanpa perintah termeterai dan mengemukakan perintah termeterai dalam rekod rayuan tambahan setelah diperolehi. Adalah diperhatikan bahawa perenggan 9.2 di atas tidak menghadkan masa untuk memfailkan rekod rayuan tambahan maka tiada peruntukan yang menghalang rekod rayuan tambahan yang mengandungi perintah termeterai difailkan pada hari pendengaran. Dalam erti kata lain, prinsip dalam Arahan Amalan Mahkamah Agung Bil 1 Tahun 1992 kekal sama dan tidak diubah. Maka diperhatikan adalah niat penggubal Arahan Amalan Mahkamah Persekutuan Bil 1 Tahun 2018 untuk mengekalkan kedudukan undang-undang bahawa kegagalan untuk menyertakan perintah termeterai dalam rekod rayuan tidak akan menyebabkan rekod rayuan cacat dan tidak teratur. Kami juga mengambil maklum bahawa adalah merupakan amalan bahawa peguam akan mengakujanji untuk memfailkan afidavit atau rekod rayuan tambahan dengan dokumen yang tertinggal daripada kertas kausa/rekod rayuan setelah pendengaran, dan adalah merupakan perkara dalam budi bicara mahkamah sama ada akan membenarkan permohonan sedemikian. D E F G

[45] Kes *Sasacom 1* dan kes-kes *Extra Excel* dan *Chuah Tim Lan* merupakan otoriti peringkat Mahkamah Rayuan, namun diperhatikan bahawa kes *Sasacom 1* telah merujuk kepada nas undang-undang dari Mahkamah Persekutuan serta Arahan Amalan Mahkamah, manakala kedua-dua kes *Extra Excel* dan *Chuah Tim Lan* tidak merujuk kepada otoriti dari Mahkamah Persekutuan mahupun Arahan Amalan Mahkamah. Kami telah meneliti percanggahan pendapat dalam kes-kes peringkat Mahkamah Rayuan tersebut di atas dan lebih cenderung untuk menerima keputusan kes *Sasacom 1* (yang berlandaskan Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil 1 Tahun 1995) sebagai kedudukan undang-undang yang betul berkenaan kegagalan memasukkan perintah termeterai dalam rekod rayuan. Keputusan kami adalah selaras dengan Arahan Amalan Bil 1 Tahun 2018 yang terpakai kepada kedua-dua H I

rayuan ini. Walaupun begitu, berdasarkan fakta dan keadaan kes ini, kami menerima bantahan peguam-peguam responden-responden atas alasan berikut.

[46] Dalam rayuan ini, adalah jelas bahawa perayu telah sedia maklum berhubung dengan isu rekod rayuan perayu yang tidak teratur dan tidak lengkap kerana ia telah beberapa kali dibangkitkan oleh pihak responden-responden dan peringatan serta arahan untuk perayu memfailkan rekod rayuan yang lengkap dan teratur juga telah diberikan oleh mahkamah setiap kali pengurusan kes berlangsung. Malahan, perayu sendiri mengakui perkara ini semasa diminta oleh mahkamah ini untuk menjawab hujahan responden-responden mengenai isu yang sama.

[47] Walaupun perayu sedia maklum akan kecacatan pada rayuan-rayuannya, ternyata perayu tidak mempedulikan atau mengendahkan peringatan dan arahan mahkamah kerana sehinggalah rayuan perayu ini dipanggil untuk sebutan pada 14 Disember 2022, perayu masih gagal untuk mengambil tindakan bagi memastikan rekod rayuan perayu lengkap dan teratur. Kegagalan perayu mengambil peluang yang diberikan oleh mahkamah untuk melengkapkan rekod rayuan menunjukkan perayu tidak berminat untuk meneruskan rayuan-rayuannya.

[48] Ini merupakan kes yang jarang berlaku maka atas fakta dan keadaan yang unik ini, kami berpendapat adalah wajar untuk membenarkan bantahan-bantahan peguam-peguam.

KESIMPULAN

[49] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara mendapati bahawa rayuan-rayuan perayu ini adalah tidak kompeten. Justeru, mahkamah mengekalkan bantahan responden-responden dan membatalkan kedua-dua rayuan tanpa sebarang perintah terhadap kos.

Kedua-dua rayuan dibatalkan.

Dilaporkan oleh Ashok Kumar